Manulife

Every day better

# Ini mungkin perasaan anda apabila anda menerima surat pelarasan premium perubatan...

Mengapa dilaraskan?

Apakah kesannya terhadap saya?

Apa yang patut saya lakukan sekarang?

Risalah ini bertujuan untuk membantu anda lebih memahami polisi perubatan anda. Kami pastikan **setiap hari** anda **lebih bermakna.**

# Mengapa terdapat peningkatan dalam premium/caj insurans?

1

Kos penjagaan kesihatan di Malaysia telah meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun lepas.




Sumber: Willis Tower Watsons on 2019 Global Medical Trends

Kos penjagaan kesihatan MENINGKAT → Tuntutan insurans MENINGKAT → Premium/ caj insurans MENINGKAT

## Faktor yang menyumbang kepada kos penjagaan kesihatan yang tinggi:

- Permintaan tinggi bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik
- Masalah kesihatan semakin bertambah terutamanya penyakit gaya hidup dan kronik
- Peningkatan kos ubat dan rawatan

Sumber: https://www.theedgemarkets.com/article/urgent-need-regulate-healthcare-fees

# Bagaimana keadaan ini memberi kesan terhadap saya?

2

## Pelan Perubatan Biasa/ Tersendiri

Premium akan disemak semula

Anda perlu membayar premium yang disemak semula untuk meneruskan manfaat polisi

## Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan (ILP)

Caj insurans lebih tinggi akan dipotong daripada nilai akaun polisi anda

Nilai akaun mungkin tidak cukup untuk membayar caj insurans masa depan

Anda dinasihatkan untuk menambah nilai premium untuk memastikan polisi anda tidak luput lebih awal daripada yang dijangka

## 3

# Saya mempunyai polisi perubatan ILP. Apa yang patut saya lakukan?

**Contoh:** Anda membeli ILP dengan premium bulanan RM200 pada 2005. Polisi ini dijangka memberi perlindungan sehingga umur 85 tahun.










Nota: Graf adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

# Saya mempunyai polisi perubatan ILP. Apa yang patut saya lakukan?

4

- Sila baca surat dan fahami pilihan yang disenaraikan di dalam borang kebenaran.
- Semak pelbagai pilihan tambah nilai yang ditawarkan kepada anda.
- Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi ejen perkhidmatan/ telefon Talian Khidmat Pelanggan kami di 03 2719 9112 atau 1300 13 2323 atau e-mel kami di MYCARE@manulife.com
- Anda mempunyai pilihan untuk menerima amaun tambah nilai yang disyorkan atau menambah nilai amaun pilihan anda.
- Ambil pilihan yang paling sesuai dengan anda, dan hantarkan borang kebenaran kepada kami.
- Terus nikmati manfaat ILP anda.

**Nota Penting: Jika anda memilih untuk tidak melakukan sebarang tambah nilai premium kepada polisi, nilai akaun anda mungkin tidak cukup untuk memberi perlindungan sehingga tempoh polisi penuh. Ini akan menjejaskan perlindungan perubatan anda.**

Perhatian: Risalah ini mengandungi maklumat am sahaja. Sesetengah maklumat dan pilihan mungkin tidak berkenaan dengan anda. Sila berbincang dengan ejen perkhidmatan anda atau hubungi pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami untuk bantuan.

**Manulife Insurance Berhad** (200801013654 (814942-M))
16th Floor, Menara Manulife, 6, Jalan Gelenggang,
Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2719 9228 / 2719 9112  Fax: 03 - 2092 2960

www.manulife.com.my
ManulifeMalaysia
manulife.malaysia
Manulife Malaysia

12/2020